

NOTICE IS HEREBY GIVEN THAT the 64th Annual General Meeting (“AGM”) of Malayan Banking Berhad (“Maybank”/“the Company”) will be held at Ballroom, Level 3, Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC), Kompleks MITEC, No. 8, Jalan Dutamas 2, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia (“Meeting Venue”) and will be broadcasted live from the Meeting Venue on Thursday, 25 April 2024 at 10.00 a.m. to transact the following businesses:

AS ORDINARY BUSINESSES:

1. To receive the Audited Financial Statements of the Company for the financial year ended 31 December 2023 together with the Reports of the Directors and Auditors thereon.
2. To re-elect the following Directors, each of whom retires by rotation in accordance with Articles 104 and 105 of the Company’s Constitution and being eligible, offers himself/herself for re-election:

| | |
|--|-------------------------|
| (i) Tan Sri Dato’ Sri Ir. Zamzamzairani Mohd Isa | (Ordinary Resolution 1) |
| (ii) Dr Hasnita Dato’ Hashim | (Ordinary Resolution 2) |
| (iii) Che Zakiah Che Din | (Ordinary Resolution 3) |
| (iv) Dato’ Khairussaleh Ramli | (Ordinary Resolution 4) |
3. To re-elect the following Director who retires in accordance with Article 108 of the Company’s Constitution and being eligible, offers himself for re-election:

| | |
|--------------------------|-------------------------|
| (i) Datuk Yee Yang Chien | (Ordinary Resolution 5) |
|--------------------------|-------------------------|
4. To approve the payment of the following fees to Non-Executive Directors for the period from the 64th AGM to the 65th AGM of the Company:

| | |
|---|-------------------------|
| (i) Chairman’s fee of RM700,000 per annum; | |
| (ii) Vice Chairman’s fee of RM500,000 per annum; | |
| (iii) Director’s fee of RM335,000 per annum for each Non-Executive Director; | |
| (iv) Board Committee Chairman’s fee of RM85,000 per annum for the Chairman of each Board Committee; and | |
| (v) Board Committee Member’s fee of RM50,000 per annum for each member of a Board Committee. | (Ordinary Resolution 6) |
5. To approve the payment of benefits to eligible Non-Executive Directors of an amount up to RM3,770,000 for the period from the 64th AGM to the 65th AGM of the Company. (Ordinary Resolution 7)
6. To re-appoint Messrs Ernst & Young PLT as Auditors of the Company for the financial year ending 31 December 2024 and to authorise the Directors to fix their remuneration. (Ordinary Resolution 8)

AS SPECIAL BUSINESS:

To consider, and if thought fit, to pass the following Ordinary Resolution:

7. ALLOTMENT AND ISSUANCE OF NEW ORDINARY SHARES IN MAYBANK (“MAYBANK SHARES”) IN RELATION TO THE RECURRENT AND OPTIONAL DIVIDEND REINVESTMENT PLAN THAT ALLOWS SHAREHOLDERS OF MAYBANK TO REINVEST THEIR DIVIDEND TO WHICH THE DIVIDEND REINVESTMENT PLAN APPLIES, IN NEW MAYBANK SHARES (“DIVIDEND REINVESTMENT PLAN”)

“THAT pursuant to the Dividend Reinvestment Plan as approved by the shareholders at the Extraordinary General Meeting held on 14 May 2010, approval be and is hereby given to the Company to allot and issue such number of new Maybank Shares under the Dividend Reinvestment Plan upon such terms and conditions and to such persons as the Directors may in their absolute discretion, deem fit and in the interest of the Company PROVIDED THAT the issue price of the said new Maybank Shares shall be fixed by the Directors at not more than ten percent (10%) discount to the adjusted five (5)-day volume weighted average market price (“VWAMP”) of Maybank Shares immediately prior to the price-fixing date, of which the VWAMP shall be adjusted ex-dividend before applying the aforementioned discount in fixing the issue price, and that such authority to allot and issue Maybank Shares shall continue to be in force until the conclusion of the next AGM of the Company;

AND THAT the Directors and the Secretaries of the Company be and are hereby authorised to do all such acts and enter into all such transactions, arrangements and documents as may be necessary or expedient in order to give full effect to the Dividend Reinvestment Plan with full power to assent to any conditions, modifications, variations and/or amendments (if any) as may be imposed or agreed to by any relevant authorities, or consequent upon the implementation of said conditions, modifications, variations and/or amendments, or at the discretion of the Directors in the best interest of the Company.” (Ordinary Resolution 9)

8. To transact any other business of the Company for which due notice shall have been received in accordance with the Companies Act, 2016 and the Company’s Constitution.

BY ORDER OF THE BOARD


WAN MARZIMIN WAN MUHAMMAD
(LS0009924)
(SSM PC No.: 201908001697)
Company Secretary



FARIZ ABDUL AZIZ
(LS0007997)
(SSM PC No.: 201908001696)
Joint Company Secretary

Kuala Lumpur
27 March 2024

Notes:

1. The 64th AGM of the Company will be held on a hybrid mode and member(s), proxy(ies), corporate representative(s) or attorney(s) are given an option, either:-
 - (i) to attend physically at the Meeting Venue (“Physical Attendance”); or
 - (ii) to attend virtually using the Remote Participation and Electronic Voting (“RPEV”) facilities to be provided by the appointed share registrar for this AGM, Boardroom Share Registrars Sdn Bhd (“Boardroom”) (“Virtual Attendance”).

Physical Attendance

All Member(s), proxy(ies), corporate representative(s) or attorney(s) who wish to attend and participate at the 64th AGM physically are required to register for the meeting at the Meeting Venue.

Virtual Attendance

For Member(s), proxy(ies), corporate representative(s) or attorney(s) who wish to attend and participate at the 64th AGM remotely, the virtual meeting will be conducted through live streaming and online remote voting via the RPEV facilities to be provided by Boardroom on the Boardroom Smart Investor Portal (“BSIP”) platform at <https://investor.boardroomlimited.com>. Please follow the procedures provided in the Administrative Notes to register, participate and vote remotely via the RPEV facilities.

2. A member entitled to participate and vote at this AGM is entitled to appoint proxy(ies) to participate and vote in his/her stead. A proxy may but need not be a member of the Company and there shall be no restriction as to the qualification of a proxy.

3. (i) A member who is an authorised nominee as defined under the Securities Industry (Central Depositories) Act, 1991 (“Authorised Nominee”) may appoint at least one proxy but not more than two (2) proxies in respect of each securities account it holds with ordinary shares of the Company (“Maybank Shares”) standing to the credit of the said securities account to participate and vote at this AGM.
 - (ii) Notwithstanding the above, for an exempt Authorised Nominee which holds Maybank Shares for multiple beneficial owners in one securities account (“Omnibus Account”), there is no limit to the number of proxies which the exempt Authorised Nominee may appoint in respect of each Omnibus Account.
4. Where a member appoints more than one proxy, the appointments shall be invalid unless he/she specifies the proportions of his/her shareholding to be represented by each proxy.
5. The instrument appointing a proxy shall be in writing under the hand of the appointer or his/her attorney duly authorised in writing, or if the appointer is a corporation, under its common seal or in some other manner approved by its directors.
6. For an instrument appointing a proxy executed outside Malaysia, the signature must be attested by a solicitor, Notary Public, Consul or Magistrate.
7. The duly completed instrument appointing a proxy must be deposited at the office of Boardroom at 11th Floor, Menara Symphony, No. 5 Jalan Prof. Khoo Kay Kim, Seksyen 13, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. The instrument appointing a proxy may also be submitted to Boardroom electronically via BSIP at <https://investor.boardroomlimited.com>. Please follow the procedures provided in the Administrative Notes for the AGM if members wish to submit the instrument appointing a proxy electronically. All instruments appointing a proxy must be deposited with Boardroom no later than Wednesday, 24 April 2024 at 10.00 a.m.
8. For the purpose of determining a member who shall be entitled to participate at the AGM in accordance with Article 59(1) of the Company’s Constitution and Section 34(1) of the Securities Industry (Central Depositories) Act, 1991, the Company shall be requesting Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd to issue a General Meeting Record of Depositors as at 17 April 2024. Only a member whose name appears on the Record of Depositors as at 17 April 2024 shall be eligible to participate at the AGM or appoint proxy(ies) to participate and vote on his/her behalf.
9. Pursuant to Paragraph 8.29A(1) of the Main Market Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad, all resolutions set out in the Notice of the 64th AGM of the Company shall be put to vote by way of a poll.
10. Explanatory notes on Ordinary Businesses:

(i) Audited Financial Statements for the financial year ended 31 December 2023

The Audited Financial Statements are laid for discussion only in accordance with Section 340(1)(a) of the Companies Act, 2016 and do not require shareholders’ approval. Hence, the same will not be put forward for voting.

(ii) Ordinary Resolutions 1 to 5 - Re-election of Directors

The Nomination and Remuneration Committee (“NRC”) has considered the performance and contribution of each of the retiring Directors and has also assessed their independence (for Independent Directors) and ability to act in the best interest of the Company.

Based on the results of the Board Effectiveness Evaluation conducted for the financial year ended 31 December 2023, the performance of each of the retiring Directors was found to be satisfactory.

Pursuant to the annual Fit and Proper (“FAP”) assessment conducted in 2024, each retiring Director has met the following fit and proper criteria prescribed in the FAP Policy issued by Bank Negara Malaysia (“BNM”) and the Maybank FAP Policy:

- (a) Probity, personal integrity and reputation;
- (b) Competency and capability; and
- (c) Financial integrity.

All retiring Directors have complied with Maybank Group’s Policy on Directors Conflict of Interest.

The retiring Independent Directors have also fulfilled the independence criteria set out in the BNM Corporate Governance Policy, the Main Market Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad and Maybank Policy on Directors Independence.

The Board has endorsed the NRC’s recommendation to seek shareholders’ approval for the re-election of the retiring Directors. The retiring Directors had abstained from deliberations and decisions on their re-election at the NRC and Board meetings.

The details and profiles of the Directors who are standing for re-election at the 64th AGM are provided in the Board of Directors section on pages 112 to 115 of Maybank’s Integrated Annual Report 2023.

(iii) Ordinary Resolution 6 - Payment of Non-Executive Directors’ (“NED”) Fees

The NRC has appointed an independent firm of consultants (“Consultants”) to conduct a Board Remuneration Review (“BRR”) exercise in 2023 to ascertain the competitiveness of the existing NED Remuneration Framework and its sufficiency to attract and retain talents to serve on the Board. The scope of the BRR exercise carried out by the Consultants was primarily based on benchmarking against Maybank’s local and regional peers as well as a regression analysis. Pursuant to the findings of the BRR exercise, the Consultants recommends that the existing NED Remuneration Framework be revised as follows:

| | | Current NED Remuneration Framework (per annum) (RM) | Revised NED Remuneration Framework (per annum) (RM) |
|--------------------------|-----------------|---|---|
| Board | - Chairman | 610,000 | 700,000 |
| | - Vice-Chairman | 440,000 | 500,000 |
| | - Member | 295,000 | 335,000 |
| Board Committee | - Chairman | 75,000 | 85,000 |
| | - Member | 45,000 | 50,000 |
| Meeting Allowance | | 4,000 per meeting | 4,500 per meeting |

10. Explanatory notes on Ordinary Businesses: (cont'd.)

(iv) Ordinary Resolution 7 - Benefits Payable to Non-Executive Directors

The benefits payable to NEDs comprise allowances, benefits-in-kind and other emoluments, details of which are as follows:

- (a) Meeting Allowance - RM4,500 per meeting
- (b) Duty Allowance
 - Chairman of the Board - RM40,000 per month
- (c) Company Car, Driver and Fuel Allowance
 - Chairman of the Board
 - Vice-Chairman of the Board(based on maximum taxable rate)
- (d) Other Benefits
 - Include benefits such as club membership fees, per diem allowance, farewell gift and other facilities made available by the Company to eligible NEDs.

The shareholders had, at the 63rd AGM held on 3 May 2023, approved an amount of up to RM3,418,150 ("Approved Amount") as benefits payable to NEDs from the 63rd AGM to this AGM. The total amount to be incurred as benefits payable to NEDs from the date of the 63rd AGM to the date of this AGM is expected to be approximately 80% of the Approved Amount.

The total amount requested as benefits payable to NEDs from the date of this AGM to the date of the 65th AGM to be held next year represents an increase of approximately 10% against the Approved Amount. Among the reasons for the increase are:

- (i) Establishment of a new Board Committee i.e. the Board Technology Committee; and
- (ii) Increase in the quantum of meeting allowance.

(v) Ordinary Resolution 8 - Re-appointment of Auditors and Audit Fees

The Audit Committee of the Board ("ACB") had, at its meeting held on 26 October 2023, conducted an annual review of the suitability and independence of the external auditors, Messrs Ernst & Young PLT pursuant to Maybank Group's Framework on Appointment of External Auditors for Statutory Audit and Non-Audit Services. In its assessment, the ACB considered several factors which include the following:

- (a) Level of knowledge, capabilities, experience of the professional staff assigned to the audit and quality of previous work undertaken by the firm;
- (b) Quality of performance and level of engagement with the ACB;
- (c) Ability to provide constructive observations, implications and recommendations in areas requiring improvements;

- (d) Appropriateness of audit approach and the effectiveness of audit planning;
- (e) Ability to perform audit work within agreed timeframe;
- (f) Independence and objectivity of the external auditors when interpreting standards/policies adopted by the Company and the level of non-audit services rendered by the external auditors; and
- (g) The external auditors' governance and leadership structure as well as measures undertaken by the external auditors to uphold audit quality and manage risks, as set out in the Annual Transparency Report.

Being satisfied with the performance, technical competency, audit approach as well as audit independence of Messrs Ernst & Young PLT, the ACB has recommended the appointment of Messrs Ernst & Young PLT as external auditors of the Company for the financial year ending 31 December 2024 ("FY2024").

The Board had, at its meeting held on 30 November 2023, endorsed the ACB's recommendation for shareholders' approval to be sought at the 64th AGM on the appointment of Messrs Ernst & Young PLT as external auditors of the Company for FY2024.

The Board is also seeking shareholders' approval to authorise the Directors to fix the remuneration of the external auditors for FY2024.

11. Explanatory notes on Special Business:

(i) Ordinary Resolution 9 - Allotment of Shares in relation to Dividend Reinvestment Plan

This proposed Ordinary Resolution 9 if passed, will give authority to the Directors to allot and issue Maybank Shares pursuant to the Dividend Reinvestment Plan in respect of dividends declared after this AGM, and such authority shall expire at the conclusion of the next AGM of the Company.

STATEMENT ACCOMPANYING NOTICE OF THE 64TH ANNUAL GENERAL MEETING (Pursuant to Paragraph 8.27(2) of the Main Market Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad)

1. Directors who are standing for re-election at the 64th AGM

The details of the Directors who are standing for re-election at the 64th AGM are provided in the Board of Directors section on pages 112 to 115 of Maybank's Integrated Annual Report 2023.

No individual is standing for election as a Director at the 64th AGM.

2. Authority to Directors to Allot Shares

The Company has, at the 63rd AGM held on 3 May 2023, sought a general mandate for allotment of shares pursuant to Section 75 of the Companies Act, 2016.

The Company has not issued any new Maybank Shares under the general mandate and the said mandate will lapse at the conclusion of the 64th AGM.

Gain efficiency for your business & even more plus points with Maybank Work+



Streamline payroll



Exclusive banking benefits



Exclusive employee preferential rates



Stand to win a Ford Ranger Raptor & Cash Prize

Sign up for Maybank Work+ for smoother business operations and transactions

maybank.my/smerewards



Humanising
Financial Services



Maybank Islamic



Maybank

Campaign Period: 27 February 2024 - 27 February 2025

Terms and conditions apply. Visuals shown are solely for illustration purposes only and may not depict the actual colour, model or specifications of the prizes.

DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") ke-64 Malayan Banking Berhad ("Maybank"/"Syarikat") akan diadakan di Ballroom, Aras 3, Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC), Kompleks MITEC, No. 8, Jalan Dutamas 2, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia ("Lokasi Mesyuarat") dan akan disiarkan secara langsung dari Lokasi Mesyuarat pada hari Khamis, 25 April 2024, 10.00 pagi untuk tujuan melaksanakan urusan-urusan berikut:

URUSAN BIASA:

- Untuk menerima Penyata Kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tempoh kewangan berakhir pada 31 Disember 2023 bersama dengan laporan-laporan Lembaga Pengarah dan Juruaudit.
- Untuk melantik semula para Pengarah berikut yang bersara mengikut giliran selaras dengan Artikel 104 dan 105 Perlembagaan Syarikat dan oleh kerana layak, menawarkan diri mereka untuk dilantik semula:
 - Tan Sri Dato' Sri Ir. Zamzamzairani Mohd Isa **(Resolusi Biasa 1)**
 - Dr Hasnita Dato' Hashim **(Resolusi Biasa 2)**
 - Che Zakiah Che Din **(Resolusi Biasa 3)**
 - Dato' Khairussaleh Ramli **(Resolusi Biasa 4)**
- Untuk melantik semula Pengarah berikut yang bersara selaras dengan Artikel 108 Perlembagaan Syarikat dan oleh kerana layak, menawarkan dirinya untuk dilantik semula:
 - Datuk Yee Yang Chien **(Resolusi Biasa 5)**
- Untuk meluluskan pembayaran yuran berikut kepada para Pengarah Bukan Eksekutif untuk tempoh daripada AGM ke-64 hingga AGM ke-65 Syarikat:
 - Yuran Pengerusi sebanyak RM700,000 setahun;
 - Yuran Timbalan Pengerusi sebanyak RM500,000 setahun;
 - Yuran Pengarah sebanyak RM335,000 setahun bagi setiap Pengarah Bukan Eksekutif;
 - Yuran Pengerusi Jawatankuasa Lembaga sebanyak RM85,000 setahun bagi Pengerusi setiap Jawatankuasa Lembaga; dan
 - Yuran Ahli Jawatankuasa Lembaga sebanyak RM50,000 setahun bagi setiap ahli Jawatankuasa Lembaga. **(Resolusi Biasa 6)**
- Untuk meluluskan jumlah sehingga RM3,770,000 sebagai pembayaran manfaat kepada para Pengarah Bukan Eksekutif yang layak untuk tempoh daripada AGM ke-64 hingga AGM ke-65 Syarikat. **(Resolusi Biasa 7)**
- Untuk melantik semula Tetuan Ernst & Young PLT sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 dan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan ganjaran mereka. **(Resolusi Biasa 8)**

URUSAN KHAS:

Untuk mempertimbangkan dan sekiranya bersesuaian, meluluskan Resolusi Biasa berikut:

- PERUNTUKAN DAN TERBITAN SAHAM BIASA BARU DALAM MAYBANK ("SAHAM MAYBANK") BERKAITAN PELAN PELABURAN SEMULA DIVIDEN BERULANG DAN PILIHAN YANG MEMBENARKAN PEMEGANG SAHAM MAYBANK UNTUK MELABUR SEMULA DIVIDEN MEREKA DI MANA PELAN PELABURAN SEMULA DIVIDEN DIGUNAPAKAI, DALAM SAHAM BARU MAYBANK ("PELAN PELABURAN SEMULA DIVIDEN")**

"BAHAWA menurut Pelan Pelaburan Semula Dividen seperti diluluskan oleh pemegang saham pada Mesyuarat Agung Luar Biasa pada 14 Mei 2010, kelulusan diberikan kepada Syarikat untuk memperuntukkan dan menerbitkan sejumlah Saham Baru Maybank mengikut Pelan Pelaburan Semula Dividen seiring dengan terma-terma dan syarat-syarat dan kepada mereka yang berkenaan mengikut budi bicara mutlak para Pengarah dan untuk kepentingan Syarikat DENGAN SYARAT harga terbitan Saham Baru Maybank ditetapkan oleh Pengarah tidak lebih daripada sepuluh peratus (10%) diskaun pada penyaluran nilai harga pasaran purata wajaran lima (5) hari ("VWAMP") bagi Saham Maybank sejurus sebelum tarikh penetapan harga, yang mana VWAMP diselaraskan sebagai ex-dividen sebelum menggunakan diskaun yang disebutkan dalam penetapan harga terbitan, dan bahawa kuasa untuk memperuntukkan dan menerbitkan Saham Maybank akan terus berkuatkuasa sehingga berakhirnya AGM Syarikat yang berikutnya;

DAN BAHAWA Pengarah dan Setiausaha Syarikat adalah dan dengan ini diberi kuasa untuk melakukan tindakan dan melaksanakan urusan-urusan seumpamanya, urusan-urusan dan dokumen-dokumen yang mungkin diperlukan atau memanfaatkan untuk memberi kesan sepenuhnya terhadap Pelan Pelaburan Semula Dividen dengan kuasa sepenuhnya untuk mengizinkan sebarang syarat, pengubahsuaian, variasi dan/atau pindaan (jika ada) yang mungkin dikenakan atau dipersetujui oleh mana-mana pihak berkuasa, atau akibat daripada pelaksanaan syarat, pengubahsuaian, variasi dan/atau pindaan, atau atas budi bicara para Pengarah dalam membuat keputusan terbaik untuk Syarikat." **(Resolusi Biasa 9)**

- Untuk melaksanakan sebarang urusan-urusan lain Syarikat yang mana notis mengenainya telah diterima selaras dengan Akta Syarikat, 2016 dan Perlembagaan Syarikat.

DENGAN PERINTAH LEMBAGA PENGARAH

WAN MARZIMIN WAN MUHAMMAD
(LS0009924)
(SSM PC No.: 201908001697)
Setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur
27 Mac 2024

Nota-nota:

- AGM ke-64 Syarikat akan dilaksanakan secara hibrid, dan para ahli, proksi, wakil korporat atau peguam diberi pilihan, sama ada:-
 - hadir secara fizikal di Lokasi Mesyuarat ("Kehadiran Fizikal"); atau
 - hadir secara virtual dengan menggunakan kemudahan Penyertaan Jauh dan Pengundian Elektronik ("RPEV") yang akan disediakan oleh pendaftar saham yang dilantik untuk AGM ini, iaitu Boardroom Share Registrars Sdn Bhd ("Boardroom") ("Kehadiran Virtual").

Kehadiran Fizikal

Para ahli, proksi, wakil korporat atau peguam yang ingin menghadiri dan menyertai AGM ke-64 secara fizikal dikehendaki mendaftar untuk mesyuarat di Lokasi Mesyuarat.

Kehadiran Virtual

Para ahli, proksi, wakil korporat atau peguam yang ingin menghadiri dan menyertai AGM ke-64 secara jauh, mesyuarat virtual akan dilaksanakan melalui penstriman langsung dan pengundian dalam talian menggunakan kemudahan RPEV yang akan disediakan oleh Boardroom menerusi platform Boardroom Smart Investor Portal ("BSIP") di <https://investor.boardroomlimited.com>. Sila ikuti prosedur yang disediakan di dalam Nota-nota Pentadbiran untuk AGM bagi mendaftar, menyertai dan mengundi secara jauh menggunakan kemudahan RPEV.

- Setiap ahli yang berhak menyertai dan mengundi di AGM ini boleh melantik proksi atau proksi-proksi untuk menyertai mesyuarat dan mengundi bagi pihaknya. Proksi itu tidak semestinya seorang ahli Syarikat ini dan tiada sebarang sekatan berkaitan kelayakan proksi.

- Seorang ahli yang merupakan seorang penama yang diberi kuasa sepertimana ditakrifkan di bawah Akta Industri Sekuriti (Pendeposit Pusat), 1991 ("Penama Diberi Kuasa"), berhak melantik sekurang-kurangnya satu proksi tetapi tidak melebihi dua (2) proksi bagi setiap satu akaun sekuriti yang dipegangnya yang masih berbaki kredit saham-saham biasa Syarikat ("Saham Maybank") bagi akaun sekuriti berkenaan untuk menyertai dan mengundi di AGM ini.
 - Meskipun di atas, seorang Penama Diberi Kuasa dikecualikan, yang memegang saham biasa dalam Syarikat untuk beberapa pemilih bermanfaat dalam satu akaun sekuriti ("Akaun Omnibus"), tidak ada sebarang had kepada bilangan proksi yang boleh dilantik oleh Penama Diberi Kuasa dikecualikan bagi setiap Akaun Omnibus yang dipegangnya.
- Sekiranya seorang ahli melantik lebih daripada seorang proksi, pelantikan tersebut hanya sah sekiranya beliau menyatakan bahagian pegangan yang diwakili oleh setiap proksi.
- Suratcara pelantikan proksi hendaklah dibuat secara bertulis oleh pelantik atau peguam yang telah diberikan kuasa secara bertulis, atau jika pelantik adalah sebuah perbadanan, suratcara pelantikan proksi itu mestilah mempunyai meterai syarikat atau sebarang cara yang diluluskan oleh para pengarah perbadanan tersebut.
- Bagi Borang Proksi yang telah disempurnakan di luar Malaysia, tanda tangannya mestilah disahkan oleh peguamcara, Notari Awam, Konsul atau Majistret.
- Suratcara pelantikan proksi yang lengkap mestilah dihantarkan ke pejabat Boardroom di Tingkat 11, Menara Symphony, No. 5 Jalan Prof. Khoo Kay Kim, Seksyen 13, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. Suratcara pelantikan proksi juga boleh diserahkan kepada Boardroom secara elektronik melalui BSIP di <https://investor.boardroomlimited.com>. Sila ikuti prosedur yang disediakan di dalam Nota-nota Pentadbiran untuk AGM sekiranya ahli-ahli ingin menyerahkan suratcara pelantikan proksi secara elektronik. Kesemua suratcara pelantikan proksi mestilah diserahkan kepada Boardroom selewat-lewatnya pada hari Rabu, 24 April 2024, jam 10.00 pagi.
- Bagi tujuan menentukan ahli yang berhak menghadiri AGM menurut Artikel 59(1) Perlembagaan Syarikat dan Seksyen 34(1) Akta Industri Sekuriti (Pendeposit Pusat), 1991, Syarikat akan memohon kepada Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd untuk mengeluarkan satu Rekod Mesyuarat Am Pendeposit pada tarikh berakhir 17 April 2024. Hanya ahli-ahli yang namanya terdapat dalam Rekod Pendeposit pada tarikh berakhir 17 April 2024 adalah layak untuk menghadiri AGM atau melantik proksi/proksi-proksi untuk menyertai dan mengundi bagi pihaknya.
- Selaras dengan Perenggan 8.29A(1) Keperluan Penyenggaraan Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, kesemua resolusi yang dinyatakan di dalam Notis AGM ke-64 Syarikat akan diundi melalui tinjauan pengundian.
- Nota-nota penjelasan kepada Urusan Biasa:**

(i) Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

Penyata Kewangan yang telah diaudit dibentangkan bagi tujuan perbincangan sahaja mengikut Seksyen 340(1) (a) Akta Syarikat 2016 dan tidak memerlukan kelulusan para pemegang saham, dan tidak akan dikemukakan untuk pengundian.

(ii) Resolusi-resolusi Biasa 1 hingga 5 - Pelantikan Semula Pengarah

Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran ("NRC") telah mempertimbangkan prestasi dan sumbangan setiap Pengarah yang akan bersara dan juga telah menilai kebebasan (bagi Pengarah Bebas) dan keupayaan mereka untuk bertindak demi kepentingan terbaik syarikat.

Berdasarkan hasil Penilaian Keberkesanan Lembaga yang telah dilaksanakan untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, prestasi setiap Pengarah yang akan bersara didapati memuaskan.

Menurut penilaian Layak dan Sesuai ("FAP") tahunan yang dijalankan pada 2024, setiap Pengarah yang bersara telah memenuhi kriteria layak dan sesuai yang ditetapkan dalam Dasar FAP terbitan Bank Negara Malaysia ("BNM") dan Dasar FAP Maybank:

- Probiti, integriti peribadi dan reputasi;
- Kecekapan dan keupayaan; dan
- Integriti kewangan.

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas yang akan bersara juga telah memenuhi kriteria kebebasan yang ditetapkan dalam Dasar Tadbir Urus Korporat BNM, Keperluan Penyenggaraan Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan Dasar Maybank berkaitan Kebebasan Pengarah.

Lembaga Pengarah menyokong saranan NRC ke atas pelantikan semula para Pengarah yang akan bersara. Para Pengarah yang akan bersara telah mengecualikan diri daripada sebarang pertimbangan dan keputusan berkaitan pelantikan semula mereka, di mesyuarat NRC dan Lembaga Pengarah.

Butiran dan profil para Pengarah yang menawarkan diri untuk pelantikan semula pada AGM ke-64 disediakan di bahagian Lembaga Pengarah pada halaman 112 ke 115 Laporan Tahunan Maybank 2023.

(iii) Resolusi Biasa 6 - Pembayaran Yuran Pengarah Bukan Eksekutif ("NED")

NRC telah melantik firma perunding bebas ("Perunding") bagi menjalankan Kajian Ganjaran Lembaga ("BRR") pada tahun 2023 untuk memastikan daya saing Rangka Kerja Ganjaran NED yang sedia ada dan kemampuannya untuk menarik minat dan mengekalkan bakat untuk berkhidmat di dalam Lembaga. Skop kajian BRR yang dilaksanakan oleh Perunding terutamanya berdasarkan penanda aras berbanding institusi sebaya tempatan dan serantau Maybank serta analisis regresi. Berdasarkan penemuan kajian BRR, Perunding menyarankan Rangka Kerja Ganjaran NED yang sedia ada disemak semula seperti berikut:

| | Rangka Kerja Ganjaran Semasa NED (tahunan) (RM) | Rangka Kerja Ganjaran Disemak Semula NED (tahunan) (RM) | |
|-----------------------------|---|---|-------------------------------|
| Lembaga | - Pengerusi - Timbalan Pengerusi - Ahli | 610,000 440,000 295,000 | 700,000 500,000 335,000 |
| Jawatankuasa Lembaga | - Pengerusi - Ahli | 75,000 45,000 | 85,000 50,000 |
| Elaun Mesyuarat | | RM4,000 setiap mesyuarat | RM4,500 setiap mesyuarat |

10. Nota-nota penjelasan kepada Urusan Biasa: (sambungan)

(iv) Resolusi Biasa 7 - Manfaat Berbayar kepada Para Pengarah Bukan Eksekutif

Manfaat yang berbayar kepada NED terdiri daripada elaun, manfaat berupa benda dan emolument lain, yang mana butirannya adalah seperti berikut:

- Elaun Mesyuarat - RM4,500 setiap mesyuarat
- Elaun Tugasan
 - Pengerusi Lembaga Pengarah - RM40,000 sebulan
- Kereta Syarikat, Pemandu dan Elaun Minyak
 - Pengerusi Lembaga Pengarah
 - Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah (berdasarkan kadar boleh dikenakan cukai maksimum)
- Manfaat Lain
 - Merangkumi manfaat seperti langganan keahlian kelab, elaun harian, hadiah perpisahan dan kemudahan-kemudahan lain yang disediakan oleh Syarikat bagi NED yang layak.

Pada AGM ke-63 yang telah diadakan pada 3 Mei 2023, para pemegang saham telah meluluskan jumlah sehingga RM3,418,150 ("Amaun Diluluskan") sebagai manfaat yang perlu dibayar kepada NED daripada AGM ke-63 hingga AGM ini. Jumlah yang akan ditanggung sebagai manfaat berbayar kepada NED dari tarikh AGM ke-63 sehingga tarikh AGM ini dijangka kira-kira 80% daripada Amaun Diluluskan.

Jumlah keseluruhan yang dipohon sebagai manfaat berbayar kepada NED dari tarikh AGM ini sehingga tarikh AGM ke-65 yang akan diadakan pada tahun depan mewakili peningkatan kira-kira 10% berbanding Amaun Diluluskan. Di antara sebab-sebab peningkatan ini adalah:

- Penubuhan Jawatankuasa Lembaga yang baru iaitu Jawatankuasa Teknologi Lembaga; dan
- Peningkatan dalam kuantum elaun mesyuarat.

(v) Resolusi Biasa 8 - Pelantikan Semula Juruaudit dan Yuran Audit

Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah ("ACB") pada mesyuaratnya yang telah diadakan pada 26 Oktober 2023, telah melaksanakan tinjauan tahunannya berkaitan kesesuaian dan kebebasan juruaudit luarannya, Tetuan Ernst & Young PLT yang ditetapkan di dalam Rangka Kerja Kumpulan Maybank berkaitan Pelantikan Juruaudit Berkanun Luaran untuk Peruntukan Perkhidmatan Audit dan Bukan Audit Berkanun. Dalam penilaiannya, ACB telah mempertimbangkan beberapa faktor, termasuk:

- Tahap pengetahuan, keupayaan, pengalaman kakitangan profesional yang ditugaskan untuk audit dan kualiti kerja sebelumnya yang telah dilaksanakan oleh firma;
- Kualiti prestasi dan tahap keterlibatan dengan ACB;
- Keupayaan memberikan pemerhatian, implikasi dan cadangan yang konstruktif di dalam bidang yang memerlukan penambahbaikan;

- Kesesuaian pendekatan audit dan keberkesanan perancangan audit;
- Keupayaan melaksanakan kerja audit dalam jangka masa yang ditetapkan;
- Kebebasan dan objektiviti juruaudit luaran dalam menafsirkan piawaian/polisi yang diterima pakai oleh Syarikat dan tahap perkhidmatan bukan audit yang diberikan oleh juruaudit luaran; dan
- Tadbir urus dan struktur kepimpinan juruaudit luaran serta langkah-langkah yang diambil oleh juruaudit luaran untuk mengutamakan kualiti audit dan pengurusan risiko, seperti yang dinyatakan dalam Laporan Ketelusan Tahunan.

Berdasarkan tinjauan, ACB berpuas hati dengan kompetensi teknikal, pendekatan audit dan juga kebebasan audit Tetuan Ernst & Young PLT. Berikutnya, ACB telah mengesyorkan pelantikan semula Tetuan Ernst & Young PLT sebagai juruaudit luaran Syarikat bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 ("TK2024").

Lembaga Pengarah dalam mesyuaratnya pada 30 November 2023 telah mengesahkan cadangan ACB bagi memohon kelulusan para pemegang saham pada AGM ke-64 untuk melantik semula Tetuan Ernst & Young PLT sebagai juruaudit luaran Syarikat bagi TK2024.

Lembaga Pengarah juga memohon kelulusan para pemegang saham untuk memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan yuran juruaudit luaran untuk TK2024.

11. Nota-nota penjelasan kepada Urusan Khas:

(i) Resolusi Biasa 9 - Peruntukan Saham Berkaitan Pelan Pelaburan Semula Dividen

Resolusi Biasa 9 yang dicadangkan, sekiranya diluluskan akan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk memperuntukkan dan menerbitkan saham Maybank bagi Pelan Pelaburan Semula Dividen bagi dividen yang diisytiharkan selepas AGM ini dan kuasa ini akan luput pada pengakhiran AGM Syarikat yang berikutnya.

PENYATA YANG DISERTAKAN BERSAMA NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-64 (Menurut Perenggan 8.27(2) Keperluan Penyenaaran Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad)

1. Para Pengarah yang menawarkan diri untuk dilantik semula di AGM ke-64

Butiran para Pengarah yang menawarkan diri untuk dilantik semula di AGM ke-64 dinyatakan di bahagian Lembaga Pengarah pada halaman 112 ke 115 Laporan Tahunan Maybank 2023.

Tiada individu yang menawarkan dirinya untuk dilantik sebagai Pengarah pada AGM ke-64.

2. Memberi Kuasa kepada para Pengarah untuk Memperuntukkan Saham

Pada AGM ke-63 yang telah diadakan pada 3 Mei 2023, Syarikat telah memohon satu mandat am bagi peruntukan saham menurut Seksyen 75 Akta Syarikat, 2016.

Syarikat tidak menerbitkan sebarang Saham Maybank baru di bawah mandat am tersebut dan mandat ini akan luput pada pengakhiran AGM ke-64.

Tingkatkan kecekapan untuk perniagaan anda & dapatkan lebih manfaat dengan Maybank Work+



Pembayaran gaji selaras



Kelebihan perbankan eksklusif



Kadar keutamaan eksklusif untuk pekerja



Peluang menangi sebuah Ford Ranger Raptor & hadiah tunai

Daftar Maybank Work+ untuk pengurusan yang lancar bagi operasi dan transaksi perniagaan

maybank.my/smerewards



Menginsankan

Perkhidmatan Kewangan



Maybank Islamic



Maybank

Tempoh Kempen: 27 Februari 2024 - 27 Februari 2025

Gambar yang ditunjukkan adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza daripada warna, model atau spesifikasi hadiah yang sebenar. Tertakluk pada terma dan syarat.